

**PUMPUNAN
BUDAYA PERIBUMI
DI
SABAH**



PUMPUNAN BUDAYA PERIBUMI DI SABAH

Penyunting

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2017

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2017

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PUMPUNAN BUDAYA PERIBUMI DI SABAH / Penyunting SAIDATUL NORNIS

HJ. MAHALI

Includes index

ISBN 978-967-0521-93-0

1. Ethnicity--Sabah (Malaysia). 2. Rites and ceremonies--Sabah (Malaysia).

3. Sabah (Malaysia)--Social life and customs. I. Saidatul Nornis Hj. Mahali,

Prof. Madya Dr., 1969-.

305.89923059521

Muka taip teks:

Cambria

Saiz taip teks dan *leading*: 11/13.2 poin

Diterbitkan oleh:

Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Tingkat Bawah, Perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Dicetak oleh:

Percetakan Keningau Sdn. Bhd.

Lot 26, Phase 1, HSK Industrial Centre, Km 8

Jalan Penampang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.

KANDUNGAN



Senarai Peta	vi
Senarai Rajah	vi
Prakata	xi
Pendahuluan	xiii
BAB 1 NYANYIAN RAKYAT ETNIK RUNGUS DI SABAH: KONSEP, JENIS, KATEGORI DAN CIRI	1
<i>Raymond Majumah @ Azlan Shafie Abdullah</i>	
BAB 2 NILAI-NILAI AGAMA DALAM SUDAWIL MASYARAKAT KADAZANDUSUN	19
<i>Rosliah Kiting</i>	
BAB 3 NILAI TERAS MASYARAKAT RUNGUS	53
<i>Raymond Majumah @ Azlan Shafie Abdullah & Romzi Ationg</i>	
BAB 4 WARNA DALAM UPACARA ADAT MASYARAKAT IRANUN DI SABAH	79
<i>Humin Jusilin</i>	
BAB 5 TAJAU DAN PERANANNYA DALAM PELESTARIAN ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT MURUTTAHOL	99
<i>Abd. Hakim Mohad</i>	
BAB 6 UNDANG-UNDANG ADAT DALAM KONTEKS PERIBUMI SABAH	115
<i>Saidatul Nornis Hj. Mahali</i>	
BAB 7 TEKNIK DAN PEMAKAIAN SIGAL ETNIK RUNGUS DI SABAH	135
<i>Esterlina Moo Chin Len Lazarus</i>	
BAB 8 PENYAKIT DAN RAWATAN DALAM KEPERCAYAAN TRADISIONAL KADAZANDUSUN	151
<i>Norjietta@Julita Taisin</i>	
BAB 9 WABAK CACAR DALAM MASYARAKAT DUSUN: PERSAINGAN ANTARA PERUBATAN TRADISIONAL DAN PERUBATAN MODEN DI BORNEO UTARA	173
<i>Sanen Marshall & Veronica Petrus Atin</i>	
BAB 10 MASYARAKAT IRANUN: SATU PENELITIAN SEJARAH	207
<i>Milus Alu</i>	
Penutup	237
Biodata Penyumbang	243
Indeks	245

SENARAI PETA



Peta		Halaman
5.1	Petempatan masyarakat Murut	102
5.2	Lokasi kajian	103
9.1	Wabak cacar di Weston dan Kuala Lama di pantai barat Sabah	205
10.1	Taburan penduduk Iranun di Sabah	222

SENARAI RAJAH



Rajah		Halaman
4.1	Penggunaan warna dalam upacara perkahwinan	
(i)	Warna dominan pada pahar pelamin golongan Syarif (kuning)	85
(ii)	Warna dominan pada hiasan pelamin golongan Datu (hijau)	85
(iii)	Warna <i>usunan</i> golongan Syarif (kuning)	85
(iv)	Warna <i>usunan</i> golongan Datu (hijau)	85
(v)	Pakaian pengantin golongan Syarif (kuning)	85
(vi)	Pakaian pengantin golongan Datu (hijau)	85
4.2	Objek budaya dalam adat perkahwinan	
(i)	Pengantin status Datu	86
(ii)	Pengantin status Syarif	86
(iii)	<i>Usunan</i> status Datu	86
(iv)	<i>Usunan</i> status Syarif	86
(v)	<i>Usunan</i> status orang biasa	87
(vi-viii)	<i>Ulap-ulap</i> status orang biasa	87

(ix)	<i>Ulap-ulap</i> (hiasan rumah)	87
(x)	<i>Ulap-ulap</i> status Datu	87
(xi)	<i>Ulap-ulap</i> status Syarif	88
(xii)	<i>Ulap-ulap</i> status orang biasa	88
(xiii)	Payung <i>ubur-ubur</i> status Syarif	88
(xiv)	Payung <i>ubur-ubur</i> status Syarif	88
(xv)	Payung <i>pajuntai</i> status Datu	88
(xvi)	Payung <i>pajuntai</i> status Datu	88
(xvii)	<i>Pasandalan pajuntai</i> status Datu	89
(xviii)	<i>Pasandalan</i> status Syarif	89
(xix)	<i>Pamanaie</i> status Datu	89
(xx)	<i>Pamanaie</i> status Syarif	89
4.3	Objek budaya dalam adat kematian	
(i)	Keranda orang biasa	92
(ii)	Keranda status Datu	92
(iii)	<i>Tungkul</i> status Datu	92
(iv)	<i>Tungkul</i> status Datu	92
(v)	<i>Tungkul</i> status Syarif	93
(vi)	<i>Tungkul</i> percampuran status Datu dan Syarif	93
(vii)	<i>Tungkul</i> percampuran status Datu dan orang biasa	93
(viii)	<i>Tungkul</i> percampuran status Syarif dan orang biasa	93
(ix)	<i>Tungkul</i> orang biasa	94
(x)	<i>Kelambu</i> status Syarif	94
(xi)	<i>Kelambu</i> status Datu	94
(xii)	<i>Kelambu</i> orang biasa	94
7.1	Corak, motif dan warna kain <i>pis</i>	
(i)	Bahagian belakang kain <i>pis</i>	137
(ii)	Bahagian depan kain <i>pis</i>	137

	(iii) Bahagian belakang dan depan kain <i>pis</i>	137
7.2	Cara menyulam kain <i>pis</i>	
	(i) Kain ditegangkan di atas pemedang kayu. Motif dan corak yang diperlukan akan dilukis terlebih dahulu	138
	(ii) Penyulam melakukan kerja sulaman bermula dari bahagian tepi ke tengah kain	138
	(iii) Sebahagian corak yang telah siap disulam	138
7.3	Cara melipat, mengikat dan memasang <i>sigal</i>	
	(i) Bentangkan kain <i>pis</i>	141
	(ii) Lipat kain tersebut membentuk segi tiga	141
	(iii) Lipatan kain tersebut adalah antara 2cm hingga 4cm. Pastikan lebar setiap lipatan adalah sama	142
	(iv) Jumlah lipatan adalah antara 5 hingga 6 lipatan	142
	(v) Ambil penjuru kiri kain dengan tangan kanan dan angkat perlahan	142
	(vi) Letakkan tangan kiri di bahagian tengah kain	142
	(vii) Tegangkan kain sehingga membentuk 90°	142
	(viii) Gerakkan perlahan dan terbalikkan kain tersebut	142
	(ix) Pegang kain dengan kemas sambil menegangkannya	143
	(x) Condongkan badan ke depan. Kedua-dua tangan memegang kemas kain tersebut. Perlahan-lahan gerakkan kaki kanan keluar	143
	(xi) Luruskan kaki dan letakkan kain di atas lutut. Penjuru kiri kain letakkan di sisi. Tangan kanan memegang penjuru kanan kain dan membuat gerakan pusingan	143
	(xii) Tangan kanan menggerakkan penjuru kanan kain <i>pis</i> membentuk bulatan. Sementara, tangan kiri memegang penjuru kiri kain tersebut	143

(xiii)	Temukan penjuru kiri dan kanan kain <i>pis</i>	143
(xiv)	Silangkan kain <i>pis</i> . Kain <i>pis</i> penjuru kiri dibawa ke depan. Biarkan bucu kanan kain <i>pis</i> dalam kedudukan tersebut	143
(xv)	Kain <i>pis</i> penjuru kiri diletakkan di tengah-tengah bulatan lutut	144
(xvi)	Tarik kain ke dalam dengan menggunakan tangan kanan	144
(xvii)	Tarik kain sehingga bucuanya terkeluar daripada bulatan	144
(xviii)	Kemaskan tarikan kain <i>pis</i>	144
(xix)	Pastikan bucu emas (renda kain warna emas) dikeluarkan ke luar	144
(xx)	Pegang bucu kain <i>pis</i>	144
(xxi)	Tarik perlahan-lahan dengan gerakan ke atas	145
(xxii)	Gerakan bucu kain tersebut perlahan-lahan dan selitkan ke dalam bulatan	145
(xxiii)	Tolak dan selitkan bucu kain tersebut sehingga masuk ke dalam bulatan	145
(xxiv)	Kemaskan bulatan tersebut	145
(xxv)	Kemaskan bucu kanan kain sebelum digerakkan untuk membentuk tanduk	145
(xxvi)	Lipat sedikit penjuru tersebut dengan membentuk segi tiga	145
(xxvii)	Lipatan segi tiga tadi ditarik perlahan-lahan ke atas	146
(xxviii)	Tarik segi tiga ke atas	146
(xxix)	Selitkan segi tiga tersebut ke dalam bulatan <i>sigal</i>	146
(xxxx)	Tolak ke dalam bulatan dan selitkan dengan kemas	146
(xxxi)	Kemaskan selitan tadi	146
(xxxii)	Bentuk <i>sigal</i> dari pandangan depan lutut	146

(xxxiii)	Tanggalkan sigal tersebut dari lutut	147
(xxxiv)	Cara memakai <i>sigal</i>	147
(xxxv)	<i>Sigal</i> dari pandangan hadapan	147
(xxxvi)	<i>Sigal</i> dari pandangan belakang	147
9.1	<i>Tingoling</i> di Kampung Toing Pirungusan, Ranau	192
9.2	<i>Tingoling</i> di Kampung Terolobou, Ranau	193
9.3	<i>Tingoling</i> dan <i>podsurungan</i> , seperti mana yang dirakamkan oleh Blair (1966) di Kampung Bundu Tuhan, yang turut mengalami serangan wabak cacar pada tahun 1906	194

PRAKATA



Usaha menghimpun dan menggambarkan seluruh etnik yang mendiami Sabah ke dalam sebuah buku bukanlah satu tindakan mudah. Tidak mungkin pendokumentasian bahan-bahan berkenaan mampu dihimpunkan dalam sebuah buku. Justeru, satu pempunan buku bertemakan aspek yang hampir sama dilakukan agar usaha yang telah dimulakan sejak tahun 2004 itu tidak berakhir. Kali ini ditampilkkan judul *Pempunan Budaya Peribumi di Sabah* yang merangkumi pelbagai tema berkaitan dengan budaya dan resam kelompok peribumi Sabah. Memandangkan budaya bukanlah satu perkara statik maka, pastilah ia akan mengalami perubahan. Waktu berubah dan cara-cara manusia mengekspresi diri, menelusuri jejak pencarian makna tentang dirinya, orang lain dan diri bersama orang lain (masyarakat) juga berubah. Jika dikatakan bahawa tidak ada yang tetap di dunia ini, mungkin yang tetap hanyalah perubahan itu sendiri. Sepertimana pepatah Latin kuno yang bermaksud “waktu berubah, dan kita (ikut) berubah juga di dalamnya.” Begitu juga dengan aspek budaya yang menjadi pokok telaah dan fokus perbincangan buku ini.

Oleh hal yang demikian, dalam konteks telaah buku ini diupayakan tentang citra budaya peribumi di Sabah yang sifatnya masih tradisi dan kini telah mengalami perubahan seiring dengan tuntutan edaran waktu dan zaman. Usaha dokumentasi ini harus diambil agar ia boleh ditatap oleh generasi akan datang dengan catatan bahawa budaya tradisi itu pernah berakar umbi dalam budaya etnik berkenaan.

Misalannya, *tagung* (gong) merupakan salah satu alatan budaya yang sudah melalui banyak perubahan fungsi. Dahulunya, *tagung* adalah salah satu bentuk medium pemakluman tentang sesuatu peristiwa gembira dan sedih. *Tagung* juga berperanan sebagai ‘pemberian’ dalam perkahwinan dan pelbagai fungsi lain. Justeru, *tagung* merupakan simbol budaya benda milik seluruh kumpulan etnik di Sabah khususnya dan di Borneo amnya. Rasa

kotuahadan (terima kasih) yang tidak terhingga kepada JAG yang sudi merakamkan gambar *tagungnya* sebagai ilustrasi nilai budaya Sabah untuk buku ini.

Buku ini juga merupakan usaha berterusan berhubung dengan pumpunan bahan budaya dari Sabah. Penerbitan buku ini sejajar dengan penerbitan buku-buku sebelum ini, iaitu *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat (2004)*, *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah (2007)*, *Adat dan Ritual Kematian di Sabah (2010)*, *Pluraliti dalam Kearifan Lokal di Sabah (2011)*, serta *Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah (2013)*. Semoga buku ini boleh dimanfaatkan oleh semua pembaca khususnya kepada pembaca yang mahukan maklumat tentang peribumi Sabah.

Saidatul Nornis Hj. Mahali

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

2017

PENDAHULUAN



Sabah memiliki kerancuan kelompok sosial yang secara tidak langsung menyumbang kepada perilaku budaya yang juga berbeza. Konteks ini menyebabkan masyarakat di Sabah heterogen sifatnya dan, sifat sedemikian menyumbang kepada keanekaragaman bahasa, adat istiadat, cara hidup, kepercayaan, sistem dan struktur sosial serta amalan budaya yang bermacam-macam. Keragaman tersebut perlu dipelihara dan dilestarikan sebaiknya kerana ia merupakan kekayaan dan khazanah milik masyarakat setempat. Situasi tersebut juga memberi warna kehidupan yang harmoni dan tenteram kepada seluruh penghuni bumi Sabah yang selama ini hidup dengan cara mengintegrasikan kepelbagaian sedia ada dalam acuan lokal yang bersesuaian.

Menurut Furnivall (1956), masyarakat majmuk (*plural society*) merupakan suatu masyarakat yang terbahagi kepada dua atau lebih elemen dan tatanan sosial yang hidup seiringan tetapi, elemen berkenaan tidak terintegrasi dalam satu kesatuan politik. Sesebuah masyarakat majmuk itu dicirikan oleh perkara-perkara berikut (i) terbentuk pembahagian kelompok yang memiliki kebudayaan atau, lebih tepat subkebudayaan tetapi kebudayaan itu berbeza antara satu sama lain; (ii) mempunyai struktur sosial yang terbahagi kepada organisasi-organisasi yang bersifat tidak saling berkaitan; (iii) kurang mengembangkan konsensus antara para anggota masyarakat tentang nilai-nilai sosial yang bersifat dasar; (iv) secara relatif sering berlaku konflik antara kelompok; (v) secara relatif integrasi sosial berkembang secara paksaan (*coercion*) dan wujud ketergantungan dalam ekonomi; dan (vi) adanya dominasi politik oleh suatu kelompok terhadap kelompok-kelompok lain (van der Berghe, 1967).

Jika diteliti pengkategorian yang dibuat oleh Furnivall berhubung dengan masyarakat majmuk maka, situasi sedemikian pastilah berlaku dalam konteks Nusantara. Budaya Nusantara yang plural merupakan kenyataan hidup (*living reality*) yang

tidak dapat dihindari. Keberagaman ini perlu diseiringkan atau sekurang-kurangnya diganding bersama dan bukannya dipisah atau dipersetirikan. Keberagaman sedemikian merupakan manifestasi gagasan dan nilai setiap kelompok etnik sehingga, ia saling memperkuat dan meningkatkan wawasan serta saling menghargai antara satu dengan yang lain. Keberagaman tersebut berupaya menjadi bahan perbandingan untuk menemukan persamaan pandangan hidup yang berkaitan dengan nilai kebajikan dan kebijaksanaan (*virtue and wisdom*).

Secara tidak langsung ia turut berkait dengan ruang lingkup hubungan antara manusia, hubungan individu dan kelompok serta dapat juga mempengaruhi dan membawa perubahan kepada kebudayaan. Satu hal yang tidak mampu dihindari oleh anggota mana-mana masyarakat budaya ialah berlakunya perubahan dan perkembangan dalam budaya yang mereka dukung. Dalam kalangan ahli-ahli antropologi, terdapat tiga perkara yang dianggap penting berkait dengan masalah perubahan kebudayaan, iaitu evolusi, difusi dan akulturasi. Landasan daripada semua ini adalah penemuan atau inovasi (Lauer, 1993:387). Perubahan pada budaya Nusantara merupakan suatu wacana yang luas, yakni kesan daripada pengertian dan ranah budaya Nusantara yang juga sangat luas. Dalam perjalanannya, budaya Nusantara bukanlah suatu perkara statik. Ia bergerak seiring dengan perkembangan zaman. Dengan adanya kontak budaya, difusi, asimilasi, akulturasi sebagaimana dikatakan sebelumnya, nampak bahawa perubahan budaya dalam kalangan masyarakat akan cukup signifikan.

Dalam sesetengah budaya, orang mungkin harus/perlu mengagung-agungkan dirinya di hadapan khalayak umum untuk maksud memberi semangat kepada ahli-ahli lain namun, dalam budaya lain pula tindakan sedemikian berkemungkinan dianggap sebagai angkuh, suka meninggi diri malah menjadi suatu perkara yang dilarang (Adeney, 1995:16-17). Daripada penjelasan ini dapat kita fahami dan ketahui bahawa keanekaragaman budaya juga memiliki nilai budaya yang berlainan. Terdapat perilaku yang membawa maksud dan pemahaman berbeza sama ada, ia dianggap baik untuk pihak yang melakukannya dan, mungkin

juga akan dianggap sebagai suatu perlakuan yang negatif nilainya kepada pihak yang lain. Perkara yang membezakan antara setiap kelompok etnik adalah nilai orientasi yang dimiliki oleh setiap kelompok etnik berkenaan. Perbezaan latar belakang dan orientasi budaya inilah yang sering menyebabkan berlakunya konflik. Oleh hal yang demikian, setiap ahli kelompok etnik perlu menyedari perbezaan nilai orientasi budaya tersebut. Dengan memahami perbezaan berkenaan maka, akan lahir usaha untuk saling mengisi kelompangan dengan cara menghormati perbezaan nilai yang didukung oleh etnik masing-masing.

Edaran waktupastilah menjadisaksi kepada setiap perubahan budaya dalam mana-mana kelompok etnik di Nusantara. Hal yang sama dialami oleh kelompok-kelompok etnik di Sabah. Perubahan dalam dimensi budaya tentulah akan mengacu kepada perubahan kebudayaan dalam masyarakat seperti terdapat penemuan baharu (*discovery*) dalam ilmu pengetahuan, pembaharuan hasil teknologi (*invention*), keterkaitan dengan kebudayaan lain yang menyebabkan terjadinya difusi dan peminjaman kebudayaan. Kesemua itu meningkatkan integrasi unsur-unsur baharu ke dalam kebudayaan. Sukar untuk memisahkan perubahan sosial dan perubahan kebudayaan. Namun, secara teori dapatlah dikatakan bahawa perubahan sosial mengacu kepada perubahan dalam struktur sosial dan hubungan sosial sedangkan, perubahan kebudayaan mengacu kepada perubahan pola-pola perilaku, termasuk teknologi dan dimensi daripada segi ilmu, material dan non-material.

Perubahan bukan hanya berlaku dalam konteks sosial dan kebudayaan semata-mata. Proses globalisasi turut memberi pengalaman baharu kepada masyarakat di Nusantara secara keseluruhannya. Globalisasi melanda seluruh bangsa di dunia dan, ia dianggap sebagai suatu cabaran terhadap integrasi sesebuah kebudayaan. Dalam konteks Sabah, globalisasi perlu dilihat bukan sebagai satu ancaman sebaliknya perlu dilihat dari sudut positif, yakni ia menjadi faktor pemangkin kepada keutuhan dan keberhasilan anggota setiap kelompok etnik untuk mempertahankan nilai dan norma yang mencitrakan keperibadian setiap etnik berkenaan. Oleh hal yang demikian, setiap kelompok

etnik di Sabah perlu memanipulasikan sepenuhnya kearifan etnik masing-masing untuk bersatu dan mengintegrasikan diri ke dalam kepesatan proses globalisasi.

Justeru, buku ini membawa sepuluh makalah yang sangat pelbagai temanya dan disesuaikan dengan judul, iaitu *Pumpunan Budaya Peribumi di Sabah*. Pumpunan mempunyai dua pengertian, iaitu 1. tempat berkumpul, tempat untuk dikumpulkan; 2. himpunan, kumpulan, perkumpulan (*Kamus Dewan*, 1997:1068). Dengan maksud, setiap makalah dalam buku ini merupakan satu himpunan pernyataan dan maklumat berkenaan dengan keunikan dan kehebatan setiap etnik peribumi terpilih. Setiap makalah merangkum pelbagai tema seperti aspek sejarah, budaya yang diamalkan, ekspresi kreatif, undang-undang adat, anutan dan kepercayaan. Kesemua makalah berkenaan disumbangkan oleh penulis-penulis yang berbeza latar disiplin ilmu namun, hal utama yang mahu dikongsikan adalah pengetahuan tradisi lokal yang diutarakan dalam setiap inti makalah berkenaan.

Makalah pertama berjudul *Nyanyian Rakyat Etnik Rungus di Sabah: Konsep, Jenis, Kategori dan Ciri* yang ditulis oleh Raymond Majumah@Azlan Shafie Abdullah. Kandungan makalah ini membincangkan tentang nyanyian lisan Rungus yang disampaikan tanpa iringan muzik. Kebanyakan latar nyanyian ini berkait dengan dengan peristiwa atau kejadian semasa. Antara lagu-lagu tradisi masyarakat ini seperti *didihohoi*, *ondi*, *rogima* atau *sovल्ली*, *llumpatiw*, *suringgat* atau *luntiyou*, *linsanon*, *sulangu*, *koligis*, *urombit*, *tonggipang*, *pasok bbadjong*, *antabbang*, *ringgawan*, *goyungang* atau *guntiyou*, *undai marong*, *kandawai*, *kalawot*, *dayang mondongon*, *kuyonggin* dan *sundodo*. Kebanyakan nyanyian tradisi Rungus dinyanyikan secara individu atau solo dan, ia merupakan saluran komunikasi serta wadah interaksi yang amat halus, unik dan tinggi nilai seninya. Nyanyian tradisi Rungus juga sebenarnya merupakan satu cara pengungkap budaya dan sastera yang mempunyai falsafah tersendiri dan amat istimewa.

Tulisan Rosliah Kiting menampilkan judul makalah *Nilai-nilai Agama dalam Sudawil Masyarakat Kadazandusun* merupakan

bab kedua dalam senarai urutan. Bab ini memerihai tentang *sudawil* yang dibincang daripada aspek-aspek bersifat pesanan berbentuk keagamaan yang tersimpul di dalamnya. Penyusunan idea yang sebegitu rupa dalam pembayang dan maksud dengan menggunakan daya kreativiti menjadikan *sudawil* indah dan bermakna serta mempunyai nilai-nilai falsafah untuk kelangsungan hidup masyarakat yang mengamalkannya. *Sudawil* secara tidak langsung mampu berfungsi sebagai media dakwah dalam kalangan masyarakat ini. Paparan *sudawil* melalui bab ini jelas menggambarkan hubungan antara manusia dengan Tuhan; hubungan manusia dengan manusia; dan hubungan manusia dengan alam.

Bab ketiga pula ditulis oleh Azlan Shafie Abdullah @ Raymond Majumah & Romzi Ationg dengan tajuk *Nilai Teras Masyarakat Rungus*. Bagi masyarakat Rungus, nilai-nilai yang menjadi amalan mereka, kebanyakannya menjurus ke arah perpaduan dan keharmonian masyarakat tersebut. Ia dapat mengukuhkan tali silaturrahim, mesra perhubungan dan saling merasa dibantu apabila berada dalam kesusahan. Terdapat nilai yang mempunyai kaitan dengan alam ghaib, misalnya nilai *momugas* dan nilai *sogit*. Nilai-nilai lain adalah bersifat perikemanusiaan, ehsan dan kebaikan budi serta keluhuran bermasyarakat. Nilai-nilai ini amat penting sebagai pengawal sosial, pembentuk peribadi berdikari, pemupuk persefahaman dan pembina keluarga dan kampung sejahtera. Pelbagai nilai teras dalam masyarakat Rungus mempunyai nilai-nilai teras yang tersendiri malah, nilai-nilai itu agak unik dan amat berkesan sebagai alat kawalan sosial, penyatu masyarakat dan pembentuk kerjasama serta pengukuh perpaduan.

Makalah ini merupakan makalah keempat dalam buku ini dengan judul *Warna dalam Upacara Adat Masyarakat Iranun di Sabah* yang ditulis oleh Humin Jusilin. Makalah ini meri tentang penggunaan warna dalam upacara adat perkahwinan dan adat kematian masyarakat Iranun di Sabah. Perlambangan yang digunakan dalam warna merupakan satu khazanah unik kerana warna digunakan atas keperluan tertentu yang mencerminkan nilai, peraturan serta norma-norma yang harus dipatuhi oleh masyarakat ini. Secara keseluruhan makalah ini diusahakan untuk memecahkan

persoalan penggunaan adat penggunaan warna, misteri ikon dan simbol warna sebagai alat komunikasi yang mengidentifikasikan status dalam sistem sosial Iranun. Dalam budaya masyarakat Iranun, warna-warna yang digunakan perlu dititikberatkan kerana salah tafsir akan mengundang akibat dendaan dalam bentuk *pikulan*. Selain itu, didapati bahawa makna simbolik warna diekspresikan dalam bentuk budaya benda (material) melambangkan pemikiran, status dan nilai kehidupan masyarakat Iranun.

Tajau dan Peranannya dalam Pelestarian Adat Perkahwinan Masyarakat Murut Tahol merupakan bab kelima dalam buku ini. Bahan ini disumbangkan oleh Abd. Hakim Mohad yang membincangkan fungsi tajau dalam masyarakat Murut Tahol di Ulu Tomani, Tenom, Sabah. Tajau dilihat sebagai suatu bentuk pelestarian budaya dalam masyarakat ini khususnya, dalam adat perkahwinan. Peranan tajau bermula seawal upacara *sambila mampoi* (pertunangan bayi yang belum lahir), *antamong* (pertunangan), *ahuot* (perkahwinan), dan *inasi* (berian akhir). Demikian tajau dilihat ibarat suatu 'harta' bernilai tinggi dalam budaya Murut Tahol.

Tulisan berikutnya dikaryakan oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali dengan tajuk *Undang-Undang Adat dalam Konteks Peribumi Sabah*. Tulisan ini berlegar dalam konteks penggunaan undang-undang adat dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah yang dikhususkan kepada masyarakat peribumi yang mendiami daerah Kota Belud, Sabah. Undang-undang adat merupakan khazanah undang-undang lisan milik masyarakat peribumi. Malah, undang-undang adat juga merupakan warisan tradisi yang perlu dipertahankan dan diseiringkan dengan pembangunan kerana tradisi ini juga menjadi lambang budaya kepada setiap etnik peribumi di negara ini. Perbincangan dalam bab ini berkisar kepada paparan jenis-jenis kesalahan dan denda adat yang dikenakan kepada pelaku. Secara keseluruhan, tulisan ini cuba meneliti usaha pengekalan undang-undang dan denda berkenaan dalam konteks sosial peribumi di Sabah.

Makalah Esterlina Moo Chin Len Lazarus berjudul *Teknik dan Pemakaian Sigal Etnik Rungus di Sabah* adalah bab ketujuh

dalam buku ini. Makalah ini mendiskusikan tentang perhiasan kepala yang dikenali sebagai *sigal*. *Sigal* sebagai hiasan kepala yang dipakai oleh lelaki Rungus. *Sigal* diperbuat daripada kain *pis*, iaitu hasil sulaman tangan wanita Rungus. Kain *pis* disulam menggunakan benang berwarna-warni dengan hiasan motif berunsurkan flora dan fauna. *Sigal* melambangkan status seseorang dalam kalangan orang-orang Rungus malah, status dan fungsi *sigal* dapat dibezakan melalui bentuk ikatannya. Hanya segelintir generasi muda Rungus yang menguasai teknik mengikat *sigal*. Justeru, makalah ini dipersembahkan untuk maksud dokumentasi cara, teknik mengikat *sigal* serta cara pemakaian *sigal* dalam kalangan etnik ini, selain untuk tujuan pengkalan identiti etnik dan warisan budaya masyarakat Rungus.

Bab kelapan disumbangkan oleh Norjietta@Julita Taisin yang membincangkan tentang penyakit yang berpunca daripada kepercayaan animisme dan cara rawatannya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Sebagai kelompok etnik yang pernah mengamalkan kehidupan animism, orang-orang Kadazandusun perlu mencari cara terbaik untuk mengubati penyakit. Pada zaman tradisi, perubatan moden belum diketahui atau dikenali maka, untuk menyembuhkan penyakit rawatan terbaik perlu dicari, iaitu dengan menggunakan perantara *Bobolian* (bomoh atau dukun). Biasanya penyakit dipercayai berpunca daripada gangguan daripada *suang-suang* (makhluk halus) yang dipercayai turut mendiami dunia manusia. Bomoh diperlukan untuk merawat penyakit berkenaan. Bomoh juga memberikan ubat-ubatan yang bersumberkan alam sekitar kehidupan orang-orang Kadazandusun. Cara rawatan sedemikian dianggap sebagai suatu hal yang terbaik dan sesuai dengan zaman yang ditempuhi oleh orang-orang Kadazandusun.

Bab kesembilan merupakan hasil penelitian Sanen Marshall & Veronica Petrus Atin berhubung kait dengan wabak cacar yang melanda masyarakat Dusun di Borneo Utara pada suatu ketika dahulu. Bab ini membincangkan tentang persaingan pilihan antara perubatan tradisional dan perubatan moden dalam kalangan penduduk Dusun khususnya, semasa era pentadbiran British di Borneo Utara. Wabak penyakit cacar yang tersebar di seluruh

Borneo Utara ketika itu memaksa penduduk berbangsa Dusun memilih, sama ada perubatan moden yang diperkenalkan oleh pihak British ataupun kekal menggunakan perubatan tradisi yang mereka percayai keberkesannya.

Bab akhir dengan tajuk *Masyarakat Iranun: Satu Penelitian Sejarah* yang ditulis oleh Milus Alu memberikan satu pendedahan awal terhadap latar masyarakat Iranun yang mendiami Sabah. Kumpulan etnik ini berasal dari Kepulauan Filipina dan mendiami Sabah sejak sebelum merdeka. Penghijrahan kelompok ini ke Sabah kerana mereka ingin meneruskan aktiviti perniagaan hamba di Kepulauan Nusantara. Penghijrahan mereka juga didorong oleh semangat *pelaug-laug* dan *mangayau* dalam kalangan masyarakat ini yang menyebabkan mereka berhasrat untuk meneroka gugusan Kepulauan Nusantara. Faktor tersebut telah menyebabkan orang Iranun tidak ramai menduduki Sabah sejak dari awal hinggalah kini.

Perbincangan yang sedemikian luas skopnya membolehkan para pembaca dan peneliti mengetahui tentang pelbagai maklumat berguna atau juga sebagai maklumat primer yang belum pernah diterbitkan sebelum ini. Maklumat-maklumat tersebut bersifat klasik dan dini kerana kurangnya penyebaran secara moden dilakukan sebelum ini. Dengan terbitnya bahan ini diharap ia dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khusus untuk mengetahui ceritera setiap etnik berkenaan.

RUJUKAN

- Adeney, Bernard T. (1995). *Etika sosial lintas budaya*. Yogyakarta: Kanisius.
- Alvin Rabushka & Kenneth A. Shepsle. (1972). *Politics in plural societies: A theory of democratic instability*. Columbus, Ohio: Charles E. Merrill Publishing Co.,
- Furnivall, J.S. (1956 [first published 1948]). *Colonial policy and practice: A comparative study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press.
- Kamus Dewan. (1997). Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Lauer, Robert. H. (1993). *Perspektif dalam perubahan kebudayaan*. Bandung: Bina Aksara.
- van der Berghe, Pierre. (1967). *Race and racism*. New York: John Wiley and Sons, Inc.